



BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bilangan 43 (Mac 2008 // Safar-Rabualawwal 1429H)

Wacana Kehakiman Syariah & Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang

bersama

Y.Bhg. Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman

Mantan Ketua Pengarah, Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

29 Februari 2008

diadakan

PERSATUAN PEGAWAI SYARIAH MALAYSIA



**WACANA KEHAKIMAN SYARIAH
DAN MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG
BERSAMA DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN**



sidang redaksi

PENAUNG / PENASIHAT

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
JKSM

KETUA PENGARANG

Tuan Mohamad bin Haji Abdullah

SIDANG PENGARANG

Tuan Mohd Amran bin Mat Zain
Tuan Khairul Nizam bin Zainon
Tuan Haji Nassir bin Hj. Abdul Aziz
Tuan Haji Mohammad Adib bin Husain
Tuan Adam bin Tumiran
Tuan Mohd Asri bin Tahir
Tuan Rozman bin Mat Sidek
Encik Azmee Hj. Hussin

PRODUKSI DAN EDARAN

Encik Mohamad Nor bin Abu Bakar
Cik Zurain binti Zulkarnain

JURUGAMBAR

Encik Anauar bin Hj. Idris
En Nor Mahadi bin Awaluddin

Buletin ini diterbitkan oleh
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2 & 3, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 PUTRAJAYA
Tel: 03-8886 4800 Fax : 03-8889 1627
Laman Web: www.esyariah.gov.my

Bekerja Dengan Semangat Gotong-Royong Dan Berpadu Fikiran

Di dalam perkhidmatan awam bahkan di dalam sebarang perkhidmatan, seseorang pekerja itu bertugas dengan suatu kumpulan pekerja yang tertentu. Dengan sendirinya untuk menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang sesuatu kumpulan pekerja itu mestilah bekerjasama, bergotong-royong melaksanakan tugas masing-masing. Sikap bantu membantu di antara satu sama lain di antara pekerja, akan menimbulkan suasana bekerja yang aman dan gembira. Suasana yang demikian pula akan meningkatkan hasil dan mutu perkhidmatan setiap pekerja. Firman Allah juga menegaskan dengan maksud: *"Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan... (Al-Ma''idah : 2)*

Semangat bergotong-royong adalah suatu ciri kebudayaan negara ini yang semestinya dipupuk terus dan disuburkan semula. Bagai kata pepatah kita : *"Bukit sama didaki, lurah sama dituruni"*.

Di samping kita bergotong-royong menjalankan tugas, kita juga hendaklah menggalakkan perbincangan sesama sendiri, bertukar fikiran, untuk mengkaji masalah yang ada dan juga untuk menghadapi masalah yang mungkin timbul. Perbincangan seperti ini akan meningkatkan rasa kekitaan di antara pekerja dan dengan sendirinya pula meningkatkan rasa tanggungjawab bersama terhadap sebarang kegiatan kumpulan pekerja yang berkenaan. Rasa keenakan berpadu tenaga dan berpadu fikiran ini telah dinikmati oleh datuk nenek kita dahulu dan rasa indah itu telah diabadikan oleh mereka dengan pepatah: *"Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat"*. *"Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah"*.

Caraberpadufikiraniniujalahyangsekarangselaludibincangkan dengan nama barunya itu "kumpulan kawalan mutu", (quality control circle). Allah juga memerintahkan manusia menyelesaikan sekalian masalah mereka dengan perbincangan atau bermesyuarat seperti firman-Nya: *"Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka"*. (Asy-Syuraa : 38)



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas kudrat dan iradat-Nya serta kekuasaan-Nya juga memberikan kita perangsang bagi meneruskan usaha mempertingkatkan ketinggian serta kehormatan undang-undang Islam di negara ini.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru agar semua warga kerja JKSM dapat meneruskan usaha mendalami pengetahuan serta inovasi di bawah Cawangan serta Unit masing-masing. Pada hemat saya organisasi JKSM sedia ada sudah boleh dikatakan mantap bagi memperkuuhkan usaha mempertingkatkan pengurusan institusi kehakiman syariah di negara ini. Seperti contoh di bidang teknologi maklumat, kita terbukti terkehadapan di dalam ranking mutu perkhidmatan awam secara on-line, pengurusan sumber manusia yang cekap dan pantas, pengurusan penerbitan yang cergas, pengurusan kewangan yang telus , bidang penyelidikan dan lain-lain fungsi lagi yang ujud di JKSM.

Dalam pada itu suka saya menyarankan agar segala perancangan Cawangan serta Unit di bawah JKSM perlulah benar-benar menepati visi dan misi JKSM iaitu memperkasakan pengurusan kehakiman syariah dan pengurusan Skim Perkhidmatan Syariah di negara ini. Warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia perlu sentiasa berada dalam satu pasukan yang mempunyai hala tuju yang satu dan bukannya mempunyai versi yang berbeza-beza mengikut selera Cawangan dan Unit masing-masing. Sekiranya sesuatu perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti hanya mempunyai objektif kepentingan Cawangan atau Unit sahaja maka ini menandakan kita bukan lagi bekerja di bawah satu bumbung JKSM dan dibimbangi akan merencatkan objektif,visi dan misi keseluruhan JKSM. Sekalipun kita mengharapkan bantuan serta kerjasama pihak luar, usahlah kita sanggup mengenepikan kepentingan Jabatan yang akan rugikan kita semua.

Oleh itu, harapan saya berkongsilah pandangan sesama kita kerana kita yakin akan kemampuan kita dan gunakanlah sumber kerjasama dari pihak luar secara positif akan kepentingan bersama dapat kita tunaikan.

Sekian terima kasih. Wassallam.


(DATUK HAJI IBRAHIM BIN LEMBUT)

KANDUNGAN

BULETIN JKSM MAC 2008

2_dari Ketua Pengarang

3_perutusan Ketua Pengarah/
Ketua Hakim Syarie JKSM

5-7_AKTIVITI JKSM

8-9_lawatan ke JKSM

10-13_AKTIVITI JKSM

14-16_fokus buletin

5_KURSUS PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG
DAN SENI GUAMAN

6_KURSUS PRA MEDIASI

7_BENGKEL PENULISAN TEKS
PENGHAKIMAN

8_LAWATAN KERJA PEGAWAI &
KAKITANGAN JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH NEGERI SABAH

8_LAWATAN KERJA
MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA
KE JKSM

9_LAWATAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA DARUL IMAN

10_SEMINAR SISTEM
PENGKELASAN ISLAM
ZIAUDIN SARDAR

11_BENGKEL PELUPUSAN REKOD
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK

12_MESYUARAT KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA
KALI KE 21

13_MESYUARAT KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA
KALI KE 21

WACANA KEHAKIMAN SYARIAH & MAJLIS
MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG
BERSAMA DATUK SHEIKH GHAZALI BIN
HAJI ABDUL RAHMAN

KURSUS PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG DAN SENI GUAMAN

2-6 MAC//24-28 SAFAR 1429
INSTITUT KESELAMATAN SOSIAL KWSP
(ESSET) BANGI



FASILITATOR

TUAN KAMAL BASHAH B. DATO' AHMAD TAJUDDIN
Y.A.TUAN ABU BAKAR BIN DAUD
TUAN ZAINORRASHID BIN HASSIN
TUAN ABDUL KARIM BIN ABD.WAHAB
TUAN HAJI YUSOF BIN MUSA

OBJEKTIF

*Memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai tugas dan tanggungjawab seorang peguam syarie bermula dari teknik menumbual klien, menyediakan pliding dan seterusnya mengendalikan perbicaraan di Mahkamah;

*Meningkatkan kemahiran berguam terutamanya di kalangan peserta yang terlibat secara langsung dalam proses perbicaraan;

*Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pandangan.

PESERTA

Peserta terdiri dari seramai 32 orang Pegawai Syariah.

KURSUS PRA MEDIASI



24-27 MAC 2008/16-19 RABIULAWWAL 1429H
ANCASA HOTEL, KUALA LUMPUR



OBJEKTIF

*Memberi pendedahan awal sebelum menghadiri Kursus Intensif Mediasi yang dikendalikan oleh The Accord Group supaya layak diiktiraf sebagai seorang mediator bertauliah;

Mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan syariah tentang teknik-teknik pengendalian proses suluhan yang berkesan.

FASILITATOR

TUAN HAJI ABDUL WALID BIN ABU HASSAN
TUAN HAJI ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
TUAN ABDUL HALIM BIN BAHARI
TUAN ROSHDAN SUJAK RAFIE
TUAN MOHD ISA BIN ABDUL RALIP

PUAN AFSAH BINTI ARIFFIN
PUAN ZURAIDAH BINTI AYOB
TUAN HAJI DR. NAIM BIN MOKHTAR
TUAN DR. ATRAS BIN MOHAMAD ZAIN

PESERTA

Peserta terdiri dari seramai 24 orang Pegawai Syariah.

BENGKEL PENULISAN TEKS PENGHAKIMAN



10-13MAC 2008/02-05 RABIULAWWAL 1429H
RENAISSANCE HOTEL, MELAKA

FASILITATOR

DATUK ABDUL HAMID BIN SAID
Y.A. DATO' HJ. MUHAMMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH
ASSOC. PROF DR. ABDUL MUHAIMIN NORDIN AYUS

OBJEKTIF

- *Memberikan pendedahan dan kefahaman kepada Pegawai Syariah mengenai teknik penulisan penghakiman;
- *Meningkatkan kemahiran Pegawai Syariah dalam menghasilkan penulisan penghakiman yang baik;
- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pandangan dari sudut praktikal penulisan penghakiman agar suatu standard penulisan atau teks penghakiman dapat dikenalpasti

PESERTA

Peserta terdiri dari seramai 30 orang Pegawai Syariah.

LAWATAN KERJA
PEGAWAI & KAKITANGAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH



11 MAC 2008/03 RABIULAWWAL 1429H
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, PUTRAJAYA

LAWATAN KERJA
MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA
KE JKSM

19 MAC 2008/11 RABIULAWWAL 1429H
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, PUTRAJAYA





LAWATAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA DARUL IMAN KAMPUS KUSZA GONG BADAK TERENGGANU DARUL IMAN

10 MAC 2008 / 04 RABIULAWWAL 1429H
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, PUTRAJAYA




BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGKELASAN ISLAM ZIAUDDIN SARDAR



Cawangan Pusat Sumber JKSM telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Sistem Pengkelasan Islam Ziauddin Sardar pada 5-7 Mac 2008 di Hotel Seri Malaysia Melaka yang merupakan lanjutan dari bengkel siri pertama yang telah diadakan pada 11-13 Jun 2007 di hotel yang sama. Bengkel ini bertujuan untuk mengenalpasti serta membincangkan permasalahan yang timbul di dalam penggunaan sistem pengkelasan tersebut, serta mendapatkan ketetapan mengenai langkah susulan menangani masalah berkaitan bidang perkara (*subject field*) dalam pengkelasan. Fasilitator yang membantu menjayakan bengkel ini ialah En. Muhammad bin Musa dari Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, Perpustakaan Negara Malaysia.

BENGKEL PELUPUSAN REKOD JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK



26-27 MAC 2008 / 18-19 RABIULAWWAL 1429H
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KUCHING, SARAWAK



Bengkel Pelupusan Rekod anjuran Cawangan Latihan Kehakiman Syariah JKSM telah berlangsung pada 26-27 Mac 2008 di Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak. Taklimat dan Perbincangan Peengurusan Rekod Negeri Sarawak telah disampaikan oleh En. Vincent Jinap dari Pustaka Negeri Sarawak. Peserta telah diberikan penerangan mengenai pengasingan rekod, penyusunan rekod, penyenaraian dan penglabelan rekod, serta penyimpanan dan pemusnahan rekod.

MESYUARAT KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA
KALI KE 21



10 MAC 2008 / 02 RABIULAWWAL 1429H
HOTEL ALLSON KLANA
SEREMBEN NEGERI SEMBILAN



MUZAKARAH HAKIM SYARIE SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA PEGAWAI SYARIAH KALI KE 11 (1)

MUZAKARAH HAKIM SYARIE
SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA
PEGAWAI SYARIAH KALI KE11

11MAC 2008 / 03 RABIULAWWAL 1429H
HOTEL ALLSON KLANA
SEREMBEN NEGERI SEMBILAN

WACANA KEHAKIMAN SYARIAH
& MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG
BERSAMA DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN



29 FEBRUARI 2008 / 22 SAFAR 1429H
HOTEL PAN PACIFIC KLIA SEPANG,
SELANGOR